

NO KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA

--

SMK KUBU GAJAH
34130 SELAMA, PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2019

TASAWWUR ISLAM

5226/1

Kertas 1

OGOS

2019

1 ¼ Jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nombor kad pengenalan** dan **nama** anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **semua** bahagian.
4. **Bahagian A** mengandungi **20** soalan . Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 9 dalam kertas soalan ini.
5. **Bahagian B** mengandungi **20** soalan, Jawab **semua** soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
6. Anda dinasihatkan mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan **Bahagian A** dan 45 minit untuk **Bahagian B**

Untuk kegunaan pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah penuh	Markah diperolehi
A	1-20	20	
B	21- 40	20	
JUMLAH		40	

1 BAHAGIAN A
(20 markah)

- 1 Gelaran Ulul Azmi diberikan kepada rasul tertentu kerana
- A mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi.
 - B memiliki tahap kesabaran yang tinggi.
 - C terpelihara daripada melakukan dosa.
 - D lama berdakwah kepada umatnya.
- 2 Berikut adalah cara-cara untuk memelihara alam daripada kemusnahan **kecuali**
- A mengekalkan habitat haiwan.
 - B memelihara keindahan sungai .
 - C merancang strategi pembangunan.
 - D menggalakkan penebangan hutan belantara.
- 3 Cara melaksanakan solat dijelaskan secara terperinci melalui _____
- A Al-Quran.
 - B Al-Hadis.
 - C Al-Ijmak.
 - D Al-Qias.
- 4 Antara berikut yang manakah membuktikan al-Quran sebagai petunjuk sepanjang zaman?
- I Kebenarannya tidak boleh diragui.
 - II Keindahan gaya bahasanya tidak mampu ditandingi.
 - III Kitab yang diturunkan kepada semua nabi dan rasul.
 - IV Kandungannya merangkumi seluruh peraturan hidup.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

5	X	Bersifat praktikal dan mampu diamalkan oleh semua golongan manusia
---	---	--

Merujuk kepada pernyataan di atas , X ialah

- A Syumuliyyah
- B Rabbaniyyah
- C Waqi'iyyah
- D Alamiyyah

6 Antara berikut yang manakah menerangkan tentang prinsip Alamiyyah?

- I Menegakkan keadilan sejagat.
 - II Islam menjamin hak asasi manusia.
 - III Islam agama yang mudah dan praktikal
 - IV Menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Jaminan hak asasi• Mewujudkan keamanan• Berdasarkan al-Quran dan Hadis |
|--|

7 Pernyataan di atas merujuk kepada

- A elemen negara Islam.
- B prinsip negara Islam.
- C ciri-ciri negara Islam.
- D matlamat negara Islam.

8 Pilih antara yang berikut matlamat sistem sosial Islam

- A Mendapatkan kepercayaan negara luar.
- B Menjamin kemewahan hidup manusia.
- C Memperoleh keredaan Allah SWT.
- D Memantapkan ekonomi negara.

- 9 Antara yang berikut yang manakah cara memperoleh harta secara haram?
- A Bekerja makan gaji.
 - B Bekerja sebagai petani.
 - C Berniaga barangan runcit.
 - D Berurus niaga dalam semua jenis saham.
- 10 Manakah pernyataan yang menggambarkan cara membelanjakan harta untuk keluarga?
- A Membelanjakan harta dengan berhemat dan tidak membazir.
 - B Mengeluarkan zakat dan membayar cukai.
 - C Membantu orang yang ditimpa bencana.
 - D Bersedekah dan menderma.

- Bebas membuat keputusan
- Tidak terikat dengan waktu dan tempat
- Mendapat kepuasan daripada hasilnya

- 11 Pernyataan di atas adalah tentang ciri-ciri bekerja
- A secara makan gaji.
 - B sementara.
 - C sambilan.
 - D sendiri.
- 12 Antara yang berikut yang manakah istilah kontrak jual beli secara ansuran
- A Ar-Rahn
 - B Al-Wadiah
 - C Al-Murabahah
 - D Al-bai' bithaman ajil

Kefahaman tentang hukum amali yang diijtihadkan oleh para mujtahid yang diambil daripada dalil-dalil syarak

- 13 Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian
- A Fikah.
 - B Ijmak.
 - C Fatwa.
 - D Qadha.
- 14 Berikut ialah cara untuk mencapai matlamat perundangan Islam **kecuali**
- A melaksanakan sesuatu mengikut kepentingan diri.
 - B berpegang teguh dengan peraturan Allah SWT.
 - C bertindak mengikut ajaran Islam.
 - D mengamalkan cara hidup Islam.

Ali membasuh kaki kiri terlebih dahulu ketika berwuduk

- 15 Situasi di atas merujuk kepada hukum
- A wajib
 - B sunat
 - C haram
 - D makruh

“Dan aku tidak ciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku”
(Surah al-Zariyat, 51 : ayat 56)

- 16 Maksud menyembah dalam ayat di atas ialah
- A wajib
 - B sunat
 - C haram
 - D makruh

17

- Memperkukuhkan keperibadian Muslim
- Meneguhkan keimanan dan ketakwaan
- Mewujudkan perpaduan dan persaudaraan Islam

Pernyataan di atas menerangkan

- A Ciri penyelesaian masalah menurut Islam
- B Kelebihan penyelesaian masalah menurut Islam
- C Langkah menyelesaikan masalah menurut Islam
- D Contoh dalam penyelesaian masalah menurut Islam

18 Pilih pernyataan yang betul mengenai perbezaan penyelesaian masalah cara Islam dengan cara konvensional.

	Penyelesaian cara Islam	Penyelesaian cara Konvensional
A	Berteraskan sentimen	Berteraskan emosi
B	Matlamat untuk dunia	Matlamat untuk akhirat
C	Al-Quran dan al-Hadis sebagai rujukan	Pemikiran manusia sebagai rujukan
D	Menambahkan keyakinan kepada diri sendiri	Menambahkan keyakinan kepada Allah SWT

19

- Menanamkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT
- Takut akan azab Allah SWT
- Hukuman yang berat kepada pesalah

Pernyataan di atas adalah contoh penyelesaian masalah menurut Islam bagi mengatasi masalah

- A rasuah
- B bunuh diri
- C lumba haram
- D perpecahan masyarakat

20 Penyelesaian masalah secara Islam perlu dilaksanakan supaya_____

- A Kemiskinan dapat dihapuskan
- B Kesaksamaan sosial dapat ditegakkan
- C Kesemua ajaran dapat diamalkan serentak
- D Kedudukan dan pangkat dapat dikekalkan

Bahagian B
[20 markah]

Soalan 21 hingga Soalan 24

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan.

AL MUSYARAKAH	SEDEKAH	ALAM GHAIB
AKAL	ZAKAT	ALAM MUSYAHADAH

21 Alam yang tidak boleh ditanggapi oleh pancaindera.

22 Dua atau beberapa pihak berkongsi tenaga dan kewangan untuk menjalankan usaha perekonomian

23 Berperanan untuk mengenal dan memahami kewujudan dan kebesaran Allah SWT di samping menimba ilmu pengetahuan.

24 Bantuan kepada golongan yang ditimpa bencana untuk meneruskan kehidupan mereka.

Soalan 25 hingga Soalan 28

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan

IJTIHAD	QADA'	MEMELIHARA
MEMULIHARA	MAKRUH	MURUNAH

- 25 Manusia perlulah _____ alam dengan menjaga dan melindungi alam ini supaya tidak dirosakkan.
- 26 _____ merupakan suatu usaha yang dilakukan secara bersungguh-sungguh untuk menghasilkan penetapan suatu hukum syarak berdasarkan Al Quran dan Hadis
- 27 Prinsip _____ membolehkan seseorang yang bermusafir mengerjakan solat secara jamak dan qasar.
- 28 Berpakaian dan anggota badan yang berbau busuk ketika menunaikan solat sangat digalakkan untuk ditinggalkan kerana hukumnya _____.

Soalan 29 hingga Soalan 30

Tulis jawapan yang betul pada ruangan kosong yang disediakan

P dan Q adalah berkaitan muamalah


P	Q
• Tiada unsur riba • Berdasarkan syariat Islam	• Berasaskan riba dan penindasan • Berasaskan fahaman kapitalis dan sosialis

29. P ialah :.....

30. Q ialah :.....

Soalan 31 hingga Soalan 32

Padankan dengan jawapan yang betul




31 R ialah :

32 S ialah :.....

Soalan 33


Tulis jawapan yang betul pada ruangan kosong yang disediakan



33 T ialah :.....

Soalan 34


Tulis jawapan yang betul pada ruangan kosong yang disediakan



34. V ialah :.....

Soalan 35

Tulis jawapan yang betul pada ruangan kosong yang disediakan




Rajah diatas adalah perhubungan matlamat sistem sosial Islam.

35. X ialah :

Soalan 36

Tulis jawapan yang betul pada ruangan kosong yang disediakan



36. Y ialah :.....

Soalan 37 hingga Soalan 40

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.

Tandakan (✕) pada pernyataan yang salah.

37 Asma wa sifat merupakan nama nama Allah yang indah menunjukkan sifat kesempurnaan

☐

38 Harta awam boleh dijadikan hak milik peribadi

☐

39 Islam menggariskan panduan bermuamalah dengan dengan cara yang baik seperti tidak menindas

☐

40 Memelihara agama bermaksud menjaga nyawa manusia daripada daripada diceroboh (dibunuh)

☐

KERTAS SOALAN TAMAT